

Pembangunan rohani juga penting: Mahathir

KUCHING, Selasa — Pembangunan rohani dan jasmani, terutama di kalangan generasi muda negara ini, penting ke arah membentuk rakyat yang tahan lasak, cergas, berdisiplin dan mempunyai peribadi serba lengkap, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ia penting supaya golongan belia berupaya menghadapi cabaran pada masa akan datang.

"Dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju, kita perlu sedar bahawa matlamat akhir kerajaan bukan hanya untuk mencapai pembangunan fizikal, bahkan pembangunan rohani," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya di buku cenderamata sempena perasmian Kem Permai, 34 kilometer dari sini. Perdana Menteri akan merasmikan pusat percutian itu pada jam 2 petang esok.

Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri atas usahanya membina Kem Permai melalui Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

(PPES), yang bertujuan meningkatkan mutu kehidupan rakyat.

Menurutnya, konsep Kem Permai yang membolehkan seseorang mengenali diri sendiri serta mengalakkan ahli keluarga dan kumpulan berinteraksi, sepatutnya dicontohi oleh pihak lain.

Dalam perutusan yang sama, Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, berkata kerajaan negeri berusaha menjadikan Sarawak sebagai pusat pelancongan bercorak pengembaraan dan percaya kegiatan serta cabaran seperti itu juga harus dinikmati bersama oleh anak tempatan.

"Oleh itu, kerajaan negeri memutuskan untuk menyediakan sebidang tanah di kawasan pantai yang indah di sekitar pusat peranginan pantai Damai untuk dimajukan dengan Kem Permai," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sedar bahawa tubuh dan daya pemikiran sihat - yang cuba dipertingkatkan oleh Kem Permai menerusi program khas dan kursus untuk keluarga, pelajar dan pertubu-

han korporat - akan membantu ke arah pembinaan negara yang sihat.

Menurutnya, penubuhan Kem Permai juga bertujuan menimbulkan rasa cinta terhadap alam sekitar dan ia diharapkan boleh mengerak kesedaran di kalangan orang ramai mengenai pentingnya memelihara alam sekitar walaupun negeri ini terus ke hadapan dalam usaha pembangunannya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif PPES, Datuk Effendi Norwawi, berkata selain Kem Permai perbadanan itu juga memajukan beberapa projek lain yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Menurutnya, ini termasuk Taman Keluarga Matang, projek persiaran tebing Sungai Sarawak, Taman Bandaraya Kuching dan Kampung Budaya Sarawak.

"Semua ini bertujuan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi di samping membawa suasana kebahagiaan kepada masyarakat umum di negeri ini," katanya.